

Kata-kata Eksklusif Dialek Kelantan dalam Komunikasi Kumpulan *WhatsApp*

Kelantanese Dialect Exclusive Words in the WhatsApp Group Communication

AZRIZAN ABU BAKAR & KARIM HARUN

ABSTRAK

Masyarakat Kelantan mempunyai dialek yang unik berbanding dialek negeri lain kerana penggunaan kata-katanya yang jauh berbeza dengan bahasa Melayu standard. Keunikan dialek Kelantan ini menyerlahkan identiti dan memupuk perasaan kenegerian dalam kalangan masyarakat Kelantan. Makalah ini akan membincangkan keunikan dialek Kelantan melalui penggunaan kata-kata eksklusif, iaitu kata-kata dialek yang berbeza dengan dengan bahasa standard tetapi mempunyai makna yang sama. Kajian ini menggunakan data daripada aplikasi WhatsApp. Dua grup WhatsApp, iaitu grup WhatsApp Sek Kito dan grup WhatsApp Sahabat JIP dijadikan sebagai sumber data. Data diambil menggunakan teknik pemerhatian tidak ikut serta bagi mengelak sebarang gangguan dalam komunikasi yang berlangsung. Bagi menghuraikan data tersebut pengkaji memanfaatkan Teori Etnografi Hymes (1974). Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan kedua-dua grup WhatsApp kerap menggunakan dialek Kelantan dalam perbualan melalui WhatsApp. Walaupun grup WhatsApp Sek kito yang ahlinya terdiri daripada golongan muda berumur 23 tahun penggunaan dialek Kelantan juga sangat tinggi. Kata-kata eksklusif dialek Kelantan digunakan oleh kedua-dua grup bagi melahirkan hasrat dalam komunikasi WhatsApp. Kata-kata eksklusif dialek Kelantan yang paling kerap digunakan adalah kata-kata dialek Kelantan yang tidak terdapat dalam bahasa standard. Penggunaan kata eksklusif ini menunjukkan kelestarian dialek Kelantan dalam menghadapi cabaran dunia digital.

Kata kunci: Kata-kata eksklusif; dialek; Kelantan; etnografi; WhatsApp

ABSTRACT

The Kelantan community has a unique dialect compared to other dialects of the state because the words used in the dialect are differ from the standard Malay. The peculiarity of this Kelantan dialect highlights identity and fostering a passionate spirit in Kelantan community. This paper discusses the uniqueness of Kelantan dialect through the use of exclusive words, which are different dialect words with standard language but have the same meaning. This study uses data from WhatsApp applications. Two WhatsApp groups, the Sek Kito group WhatsApp and the WhatsApp group of JIP Friends are used as data sources. Data is taken using non-participant observation technique to avoid any interference in the ongoing communication. To elaborate the data, the researcher utilizes Hymes Ethnography Theory (1974). The findings show that informants of both groups of WhatsApp often use Kelantan dialect in conversations via WhatsApp. Although the group of Sekito Group whose members are 23-year-old young, the use of Kelantan dialects is also very high. The exclusive words of Kelantan dialect are used by both groups to express their passion in WhatsApp communication. The most frequently used words of Kelantan dialect are Kelantan dialect words which are not in standard language. The use of this exclusive word shows the sustainability of Kelantan dialect in the face of digital world challenges.

Keywords: Exclusive words; dialect; Kelantan; ethnography; WhatsApp

PENDAHULUAN

Masyarakat Kelantan dikatakan mempunyai dialek yang unik berbanding dialek negeri lain kerana penggunaan kata-katanya yang jauh berbeza dengan bahasa standard. Dialek ini mempunyai keunikannya tersendiri dan agak berbeza sebutannya berbanding dengan dialek-dialek lain sehingga sukar difahami oleh penutur dialek lain (Pepys 1916; Nik Safiah 1966; Abdul Hamid 1994). Makalah ini menghimpunkan kata-kata eksklusif yang khusus digunakan oleh masyarakat Kelantan yang sebutannya jauh berbeza dengan maksud sebenar dalam bahasa standard. Menurut Abdul Hamid (1994), terdapat empat jenis leksikal dialek Kelantan iaitu leksikal dialek Kelantan yang tidak terdapat dalam bahasa standard, leksikal dialek yang terdiri daripada satu suku kata, leksikal dialek yang mempunyai kata-kata yang sama tetapi maksud yang berbeza dengan bahasa standard dan kata-kata daripada bahasa standard yang disesuaikan dalam dialek Kelantan. Makalah ini akan membincangkan keunikan dialek Kelantan melalui penggunaan kata-kata eksklusif, iaitu kata-kata dialek yang jauh berbeza dengan bahasa standard berdasarkan data daripada aplikasi *WhatsApp*. Hanya tiga jenis penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan yang diberi tumpuan iaitu, kata-kata dialek Kelantan yang tidak terdapat dalam bahasa standard, kata-kata dialek yang terdiri daripada satu suku kata dan kata-kata dialek yang mempunyai kata-kata yang sama tetapi maksud yang berbeza dengan bahasa standard.

KATA-KATA EKSKLUSIF DIALEK KELANTAN

Setiap dialek mempunyai kata-kata khusus yang tidak terdapat dalam dialek-dialek lain. Namun, bagi dialek Kelantan kehadiran kata-kata yang mempunyai makna tersendiri amat berlainan sifatnya sehinggakan penutur dialek lain tidak memahaminya (Nik Safiah 2016). Perbezaan yang ketara antara dialek Kelantan dengan bahasa standard dan dialek-dialek negeri lain menjadikan dialek ini unik dan istimewa. Keterbezaan ini menjadikan kata-kata dialek ini bukan sahaja berbeza sebutannya tetapi juga luar biasa maknanya. Sifat inilah yang menjadikan kata-kata ini sebagai 'eksklusif' bagi pemiliknya. Nik Safiah (2016) mentakrifkan kata-kata eksklusif sebagai perkataan atau ungkapan yang hanya digunakan oleh penutur dialek Kelantan sahaja dan perkataan ini tiada dalam

bahasa Melayu satandard mahupun dialek lain. Di samping itu terdapat juga leksikal yang mempunyai sebutan yang sama dengan bahasa standard tetapi mempunyai maksud yang berbeza. Antara kata-kata eksklusif dialek ini ialah *ba/p* (kenapa), *mu⊗eh* (marah), *wa/lll/* (tipu), *t/se* (tidak mahu) dan *k η* (lemah, lesu).

*[font untuk leksikal
dialek tidak boleh
dibaca. Mohon
bekalkan simbol
yang nyata]*

TUJUAN KAJIAN

Kajian tentang dialek Kelantan telah dilakukan dalam pelbagai aspek meliputi fonologi, sintaksis, semantik dan sebagainya. Namun begitu, aspek yang dikaji melibatkan dialek dalam bentuk lisan. Kajian dialek terutamanya dialek Kelantan dalam bentuk tulisan belum banyak diterokai, lebih-lebih lagi kajian yang menggunakan medium maya dalam ruang siber sebagai latar kajian. Dalam makalah ini penulis akan membincangkan kelainan dan dialek Kelantan yang turut digunakan dalam komunikasi di ruang siber yang tiada had sempadan geografinya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam perbualan harian masyarakat Kelantan, dialek Kelantan digunakan secara meluas bukan sahaja dalam situasi peribadi dan informal, tetapi juga di tempat-tempat awam seperti masjid, sekolah, institusi kerajaan dan badan berkanun. Penggunaan dialek Kelantan ini menandakan identiti kedaerahan yang menonjolkan keunikan mereka. Zuraidah (2003) menyatakan penutur dialek Kelantan akan mengekalkan dialek mereka walaupun berada dalam kalangan penutur bukan dari Kelantan dan akan menukar kod apabila mendapati dialek mereka tidak difahami. Dengan kata lain, penggunaan dialek Kelantan dalam konteks lisan sangat menonjol.

Namun begitu, situasi perbualan dalam bentuk lisan tentunya mempunyai kelainan daripada perbualan secara tulisan. Dalam komunikasi dunia siber, penggunaan mode tulisan lebih kerap digunakan berbanding mode lisan. Bentuk bahasa yang digunakan juga mempunyai perbezaan dengan penggunaan bahasa lisan dalam komunikasi bersemuka (Ryan, 1999). Nik Safiah (1989) mengatakan dialek biasanya digunakan dalam ragam Melayu lisan tetapi dalam dunia siber, dialek digunakan dalam ragam Melayu tulisan. Kajian-kajian tentang dialek Kelantan telah banyak dikaji bermula dari era penjajahan British, begitu juga kajian tentang bahasa dalam komunikasi

atas talian yang mula mendapat tempat pada awal 2000-an. Namun penggunaan dialek Kelantan sebagai medium komunikasi dalam aplikasi *WhatsApp* belum diterokai secara mendalam untuk melihat perubahan bentuk yang berlaku. Oleh itu pengkajian yang lebih terperinci diperlukan untuk menghuraikan penggunaan leksikal dialek Kelantan dalam aplikasi *WhatsApp* dengan konteks yang lebih bermakna.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang dialek Kelantan telah dilakukan dalam pelbagai aspek meliputi fonologi, sintaksis, semantik dan sebagainya (lihat Nik Safiah Karim (1965), Hashim Musa (1971, 1974), Farid (1980), Ajid (1985), Collins & Hussin (1988), Abdul Hamid (1977; 1994), Teoh Boon Seong (1994), Nik Hassan Basri (1989), Zuraidah (2003), Asmah (1983; 2008), Wan Nor Izan (1987), Sakinah (2015), Mohd Fadzeli & Idris (2011), Ahmad Ramizu (2009), Adi Yasran (2005; 2011; 2012) dan Nasuha Suhaili (2016). Namun begitu, kajian-kajian ini lebih menumpukan dialek dalam bentuk lisan. Kajian dialek terutamanya dialek Kelantan dalam bentuk tulisan belum banyak diterokai, lebih-lebih lagi kajian yang menggunakan medium maya dalam ruang siber sebagai latar kajian.

Perbezaan bunyi dialek Kelantan yang berbeza dengan dialek Melayu lain dikatakan sebagai unik. Justeru banyak kajian yang dilakukan terhadap dialek Kelantan memberi tumpuan kepada aspek fonologinya. Dialek Melayu yang dikatakan mempunyai sistem bunyi yang berbeza dengan sistem bunyi dialek-dialek Melayu lain di Semenanjung Malaysia mendapat perhatian dalam kalangan sarjana. Kajian A. J. Sturock (1912), C. C. Brown (1927) dan E. J. M. Berwick (1953) tentang keanehan yang terdapat dalam dialek Kelantan merupakan kajian awal yang menjadi perintis kepada kajian-kajian lain.

Kajian-kajian yang lebih sistematik dan terperinci tentang dialek Kelantan mula mendapat tempat dalam kalangan pengkaji pada tahun 1960-an. Antaranya ialah Nik Safiah (1965) dan Hashim Musa (1971) yang telah menemui kelainan dan keunikan dialek Melayu Kelantan dari segi sebutan bagi bunyi-bunyi tertentu seperti bunyi vokal dan konsonan. Nik Safiah (1965) dan Hashim (1971) mendapati dialek Kelantan mempunyai lapan fonem vokal sebelum kajian Hashim yang seterusnya pada tahun 1974 menyimpulkan dialek Kelantan

mempunyai 15 fonem vokal iaitu 8 vokal asli iaitu i, e, ě, ê, a, u, o, ô dan 7 vokal nasal ě, é, ã, û, õ, ĩ berbanding enam fonem vokal dalam bahasa Melayu Standard. Di samping kelainan bunyi vokal, terdapat juga kelainan dari segi penyusunan kata-kata untuk membentuk ayat-ayat serta wujudnya gejala intonasi atau lagu pertuturan yang tersendiri berbeza dengan bahasa standard.

Abdul Hamid (1977) pula memperincikan perbezaan dialek Kelantan dari aspek fonologi, morfologi, susunan ayat dan juga leksikal. Beliau menggariskan keunikan leksikal dialek Kelantan terdapat pada kata-kata dialek yang tidak terdapat dalam bahasa standard, kata-kata dialek yang terdiri daripada satu suku kata dan juga kata-kata dialek yang mempunyai kata yang sama tetapi maksud berbeza dengan bahasa standard. Selain itu beliau juga bersetuju dengan pendapat Hashim (1974) bahawa dialek Kelantan mempunyai fonem-fonem vokal sengau yang bersifat fonemik, iaitu membezakan makna.

Selain itu, Nik Safiah (1965, 1966, 1985) dalam kajiannya tentang pemanjangan konsonan yang dikatakan antara ciri unik dalam dialek Kelantan turut dipersetujui oleh pengkaji berikutnya (Abdul Hamid 1985, 1994; Asmah 1985, 2015; Ahmad Ramizu 2009). Nik Safiah (1966) merujuk pemanjangan bunyi konsonan kepada istilah yang digunakan untuk menyatakan keadaan tempat alat-alat sebutan berada pada daerah lafaz sesuatu konsonan untuk masa yang lebih lama daripada konsonan biasa yang tidak dipanjangkan. Abdul Hamid (1985, 1994) sependapat dengan Nik Safiah (1965) yang menyatakan antara fungsi pemanjangan konsonan ialah berlaku pada perkataan yang terdiri daripada tiga suku kata. Manakala Asmah (1985, 2008, 2015) seterusnya menyatakan fungsi pemanjangan konsonan juga berlaku pada kata ganda.

Kajian Mohd Yunus (2013) tentang proses kewujudan kata ganda berima yang melibatkan kata ganda dalam dialek Kelantan turut memperlihatkan antara keunikan yang didapati dalam dialek ini. Melalui Teori Pembentukan Kata Ganda Berima beliau berpendapat pembentukan kata ganda berima bahasa Melayu lebih dari sekadar pembentukan eufoni dan mempunyai peranan penting dalam pembentukan bahasa. Beliau mengakui keunikan dialek Kelantan berbanding dialek-dialek Melayu lain kerana aspek pengulangan dalam dialek Kelantan berbeza dengan pengulangan bahasa Melayu standard, iaitu dibentuk melalui

perkembangan (*geminatio*) huruf konsonan awalan berbanding pengulangan kata akar/dasar contohnya *labah-labah* disebut sebagai [l:αβ].

Kajian-kajian yang telah dijalankan ini membuktikan dialek Kelantan mempunyai keanehan dan keunikan yang tersendiri berbanding dengan dialek negeri-negeri lain. Selain itu didapati pengaruh penggunaan dialek dalam kalangan penutur di Kelantan masih tekal penggunaannya sama ada dalam negeri Kelantan ataupun di luar negeri Kelantan dialek merupakan salah satu aspek penanda jati diri bagi masyarakat Kelantan.

Selain dialek Kelantan, terdapat juga kajian dialek lain, iaitu dialek Terengganu yang juga turut memperlihatkan keunikan kosa katanya. Kajian tentang keunikan dialek Terengganu ini dilakukan oleh Noor Rohana et al. (2017). Beliau menyenaraikan keunikan yang terdapat dalam dialek Terengganu, iaitu kata-kata dialek yang berlainan perkataan dengan bahasa standard tetapi mempunyai maksud yang sama. Antara perkataan tersebut ialah celeng (tabung), colok (mancis), tekoh-tekoh (sementara) dan jirik (pijak). Kajian terdahulu ini menunjukkan setiap dialek mempunyai ciri-ciri keunikan yang tersendiri.

Begitu juga dengan kajian dialek luar negara yang menyelongkar kata-kata dialek yang digunakan dalam ruang siber seperti kajian Eisenstein (2014). Kajian yang menumpukan empat perkataan dialek Amerika Syarikat iaitu *Yinz*, *Yall*, *Hella* dan *Jawn* ini menggunakan Twitter's Streaming API bagi mengumpulkan data yang berjumlah 114 million mesej 'bergeotag' daripada 2.77 million akaun Twitter. Kajian ini menunjukkan perkataan dialek *Hell* yang banyak digunakan di California Utara merupakan dialek yang paling kerap ditemui dalam data Twitter iaitu satu daripada 100 mesej berbeza dengan perkataan dialek *Yinz* yang hanya dijumpai dalam beberapa ratus mesej daripada 100,000 mesej yang dikutip. Kajian ini membuktikan perkataan dialek yang tersebar luas melangkaui sempadan geografi melalui komunikasi atas talian.

Penemuan sarjana terdahulu mengenai dialek membuktikan keistimewaan dan keunikan yang terdapat dalam setiap dialek antara sebab yang mendorong pengkaji untuk meneliti dialek tersebut di samping ketegaran penggunaannya dalam berkomunikasi. Malah penyebaran dialek akan lebih meluas melalui komunikasi bentuk baharu yang disediakan dalam pelbagai aplikasi media sosial.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan sosiolinguistik menerusi etnografi komunikasi yang merangkumi kaedah kajian kepustakaan dan pemerhatian tidak ikut serta. Kaedah pemerhatian tidak ikut serta digunakan oleh pengkaji untuk mengutip data *WhatsApp*. Bagi tidak mendatangkan sebarang syak dan gangguan kepada data yang dikutip, pengkaji memilih kaedah pemerhatian tidak ikut serta agar komunikasi yang berlangsung berlaku secara santai dan alami. Kaedah pemerhatian tidak ikut serta ini dilakukan dengan meletakkan diri pengkaji sebagai pemerhati. Kaedah ini merupakan pemerhatian secara tradisi yang berbentuk tidak campur tangan, tidak merangsang subjek, hanya mengikut urutan peristiwa yang diperhatikan dan interaksi berlaku tidak terganggu oleh kehadiran penyelidik (Othman 2012).

Pengkaji mendapatkan data perbualan *WhatsApp* melalui salah seorang ahli *group* dengan cara mengklik ke *group info*, *scroll down* dan klik *email chat*, pilih *without media* kemudian dihantar ke e-mel pengkaji untuk dicetak. Pengkaji meneliti data yang diambil selama empat bulan untuk dianalisis dengan menggunakan perisian Atlas ti. dan analisis dokumen berdasarkan grid Speaking Hymes (1974).

INFORMAN

Grup *WhatsApp* 'sek kito' terdiri daripada informan berumur 23 tahun yang merupakan bekas pelajar di salah sebuah sekolah di Tanah Merah, Kelantan. Ahli grup seramai 26 orang iaitu 8 orang telah bekerja dan selebihnya masih belajar di institusi pengajian tinggi. Majoriti ahli grup bekerja dan belajar di luar negeri Kelantan termasuklah salah seorang ahli grup yang belajar di luar negara.

Grup *WhatsApp* 'Sahabat JIP' pula mempunyai ahli seramai 22 orang terdiri daripada pensyarah Institut Pendidikan Guru. Informan berasal dari Kelantan (16 orang), Terengganu (4 orang), Pahang (1 orang) dan Perlis (1 orang). Informan berumur antara 44 hingga 60 tahun.

DAPATAN KAJIAN

Kata-kata eksklusif dialek Kelantan yang dikenal pasti dalam data kajian ini antaranya ialah *bokte* (sebab), *ork* (tahan, tunggu dulu), *supit rokrat* (beg plastik), *ngosek* (usik, berhantu), *mmecok* (merajuk dengan kasar), *tok sir*, *tkser*, *tokser*, *x ser* (tidak

mahu), *atek, etek, retek* (juga), *kok* (sekeh, luku), *penawok* (penipu), *roba* (padam), *godio* (apa dia), *seksok* (kemudian hari), *agah* (sombong), *sokmo* (sentiasa), *kerek* (kerap), *guano* (macam mana), *dooh* (sangat), *ko* (kepada), *woh* (buah), *po* (serupa), *tubik* (keluar), *beleh* (kecil), *lik* (sebelah, kawasan), *bbobok* (suka berjenaka), *kupik* (kedekut), *air bau*

(minyak wangi), *nge, nga* (dengan), *alah* (sebelah, kawasan) dan *nelo* (tingkap).

Berdasarkan data *WhatsApp* ini jelas terdapat tiga jenis penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan yang digunakan dalam komunikasi *WhatsApp* seperti dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Kata-kata Eksklusif Dialek Kelantan yang Digunakan dalam Komunikasi *WhatsApp*

Kata-kata yang tidak terdapat dalam bahasa standard	Kata-kata yang terdiri daripada satu suku kata	Kata-kata yang sama tetapi maksud berbeza dengan bahasa standard
<i>murih</i> (marah)	<i>ork</i> (tahan, tunggu dulu)	<i>puah</i> (bosan)
<i>sengoti</i> (betul, sangat)	<i>de</i> (sempat)	<i>slok</i> (<i>pitam, pengsan</i>)
<i>tubik</i> (keluar)	<i>bo</i> (berhenti/cukup)	<i>beghat</i> (teruk)
<i>bekwoh</i> (kenduri)	<i>gong</i> (tolol)	<i>roba</i> (padam)
<i>bbobok</i> (suka berjenaka)	<i>kok</i> (sekeh, luku)	<i>susuk</i> (sembunyi)
<i>gege</i> (bising)	<i>lok</i> (biar)	<i>slaluh</i> (segera)
<i>mmecok</i> (merajuk dengan kasar)	<i>ko</i> (kepada)	<i>cekelat</i> (gula-gula)
<i>koksir</i> (berselerak, tidakteratur)	<i>nga</i> (dengan)	<i>katok</i> (pukul)
<i>bokte</i> (sebab)	<i>lik</i> (sebelah: rujuk kepada tempat)	<i>berehi</i> (gemar)

Berdasarkan dapatan, jelas menunjukkan penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan kerap digunakan dalam komunikasi *WhatsApp*. Perkataan yang digunakan adalah sangat berbeza dengan bahasa standard seperti *senghoti, gong, ork, lok, ngosek, mmecok, koksir, bekwah* dan *murih* telah membenarkan dapatan kajian sebelum ini yang mengatakan bahasa Kelantan unik dan pelik.

Daripada ketiga-tiga jenis penggunaan leksikal dialek Kelantan ini, leksikal dialek Kelantan yang tidak terdapat dalam bahasa standard paling kerap digunakan dalam komunikasi bagi *group WhatsApp* yang dikaji.

ANALISIS GRID SPEAKING (TEORI ETNOGRAFI KOMUNIKASI)

Pendekatan etnografi komunikasi merupakan pendekatan sociolinguistik yang bukan hanya mengkaji bahasa dari aspek linguistik tetapi juga nilai-nilai sosial dan budaya masyarakat penutur. Etnografi diperkenalkan oleh Hymes dalam bukunya "*Foundation in Sociolinguistic: An Ethnography Approach*" pada tahun 1974. Hymes (1974) pada mulanya menghuraikan peristiwa bahasa melalui enam belas komponen namun beliau menyusun semula secara *mnemonic* ke dalam lapan komponen iaitu '*SPEAKING*'.

- S Latar (*Setting*)
- P Peserta (*Participant*)
- E Tujuan Komunikasi (*Ends*)
- A Urutan Lakuan (*Act Sequence*)
- K Ragam (*Key*)
- I Alat atau Saluran Komunikasi (*Instrumentalities*)
- N Norma-norma Interaksi (*Norms*)
- G Genre (*Genre*)

Dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada tiga komponen grid Speaking sahaja iaitu latar, tujuan dan juga ragam. Pemilihan ini berdasarkan keupayaan komponen ini dalam mempengaruhi penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan dalam komunikasi *WhatsApp*.

LATAR

Menurut Hymes (1974) latar merujuk kepada masa dan tempat sesuatu lakuan bahasa dan secara umumnya membawa maksud keadaan fizikal sesuatu komunikasi tersebut. Latar juga meliputi lokasi, masa, musim dan aspek-aspek fizikal sesuatu fizikal seperti saiz bilik dan susunan perabot (Saville-Troike 2003). Latar dapat mempengaruhi penggunaan bahasa seperti ujaran, pola-pola komunikasi dan ragam bahasa (Raja Masittah 1996; Rosli 2010).

Berdasarkan data *WhatsApp* yang dikaji penghantaran *chat* antara informan meliputi tempat kerja, di luar tempat kerja, di pasar dan juga di rumah.

Latar Tempat

Dalam komunikasi *WhatsApp* latar tempat tidak terzhahir secara fizikal tetapi dapat dikesan melalui pengakuan informan itu sendiri. Antaranya informan

menyebut tentang tempat dia berada pada waktu itu contohnya ungkapan “di jjabat”, “ada kelas”, “kelah2..”, “di laberi”, “dok tadika”, “dok kursus”, “ngadap kijo” dan sebagainya.

Segmen perbualan berikut merupakan grup *WhatsApp* ‘sek kito’ yang terdiri daripada pelajar IPTA dan juga pekerja di sektor awam dan swasta. Latar tempat bagi segmen ini dapat dikenal pasti melalui informan *zbul* dalam U6:

Data 1

- U1 11:39:37: *Dyah*: *Lev grup wey.. ore kato ak gege*
(left grup lah.. orang kata saya bising)
- U2 11:38:31: *zbul*: *streh aku gais* (stress saya, guys)
- U3 11:38:31: *zbul*: *aku mu knal dok?* (saya awak kenal tak?)
- U4 11:39:37: *Dyah*: *Ak knl la mu*
(saya kenallah awak)
- U5 11:39:37: *Dyah*: *Lev grup wey.. ore kato ak gege*
(left grup lah.. orang kata saya bising)
- U6 11:41:21: *zbul*: *Gura jh nyo...kijo nuh...aku mabuk mutar pulok doh sero lpas tele ubat neh....*
(gurau sahaja..pergi (buat) kerja... aku mabuk pening (berpusing) pulak rasa lepas telan ubat ini)
- U7 11:41:21: *zbul*: *pete kakre plok kito gege..*
(petang nanti pulak kita buat bising)
- U8 12:48:42: *Yzid*: *Piriton tu xse wi mata mu gatal*
(Piriton tu tidak mahu bagi mata awak gatal)
- U9 12:49:23: *Yzid*: *Xrok cetong mu lau mkn piriton pon tido*
(tidak kuat/lasak awak kalau setakat makan piriton pun tidur)

Ujaran *zbul* dalam U6 membolehkan pengkaji mengenal pasti latar tempat berlakunya perbualan tersebut adalah di tempat kerja. Frasa ‘*kijo nuh*’ dalam ujaran ini bermaksud *zbul* menyuruh rakannya *Dyah*, seorang farmasis menyambung kerjanya semula merupakan frasa yang tepat menandakan informan sedang berada di tempat kerja. Pengkaji juga membuat rujukan silang dengan melihat catatan masa ujaran tersebut berlangsung. Catatan masa iaitu pukul 11.38 pagi hingga 12.49 tengah hari yang merupakan tempoh masa bekerja mengesahkan lagi segmen perbualan ini berlaku di tempat kerja.

Dalam segmen ini ketiga-tiga informan lebih banyak menggunakan dialek Kelantan dengan menggunakan kata-kata eksklusif seperti *gege* (bising) dalam U1, U5 dan U7, *sokmo* (selalu) dalam U1, *sero* (rasa) dan *mutar* (berpusing) dalam U6,

kakre (selepas ini) dalam U7, *x se* (tidak mahu) dan *wi* (bagi) dalam U8 dan *x rok cetong* (tidak larat, tidak lasak) dalam U9. Informan juga menggunakan kata bahasa Inggeris yang dieja mengikut sebutan seperti *lev*, *streh*, dan *gais*. Keadaan ini menunjukkan walaupun informan berada di tempat kerja namun situasi di tempat kerja tidak menjejaskan informan untuk menggunakan DK dalam komunikasi *WhatsApp*. Dapatan ini juga bersesuaian dapatan Nasuha (2016) yang mendapati 35% daripada kumpulan muda menggunakan dialek Kelantan, bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris apabila berinteraksi dengan rakan-rakan mereka.

Namun begitu bagi grup *WhatsApp JIP*, pengkaji dapati penggunaan leksikal dialek Kelantan kurang digunakan apabila melibatkan tempoh masa bekerja seperti dalam Data 2 berikut:

Data 2

U1 9:32 AM	DrS:	<i>Sejak masuk bilik TGMA marin tiba2 jd bekeng...</i> (sejak masuk bilik TGMA kelmarin tiba-tiba jadi garang)
U2 9:33 AM	Hjs:	<i>Pagi ni keno mari noreh dulu...nok bayar GST ko bini</i> (Pagi ni kena datang kerja dulu...nak bayar GST kepada isteri)
U3 9:47 AM	Tgma:	<i>Ambo di tadika...sonok jadi bdk tak pyh fikir fasal gst.</i> (saya di tadika..seronok jadi budak, tidak perlu fikir fasal gst)
U4 10:17AM	Nr:	<i>Kuat hj. gali mas...nak cari buat byr gst</i> (Kuat Haji cari duit...nak cari buat bayar gst)
U5 10:19AM	DrS:	<i>Ore paka velfire dok relek jah..</i> (orang (yang) pakai Vellfire duduk relaks sahaja)
U6 10:20AM	DrS:	<i>Kito hok paka saga dge sentra jah gege</i> (kita yang pakai Saga dan Sentra sahaja yang bising)
U7 11:03AM	MZ:	<i>Dok krsus ko dok whatApps?? Dgr molek balik v in house plak..</i> (sedang kursus ke atau sedang berWhatsApp? Dengar elok-elok nanti balik bagi 'in house' pulak)

Berpandukan Data 2 ini pengkaji dapat mengenal pasti latar tempat berdasarkan ujaran daripada MZ dalam U7 yang menegur secara berseloroh rakan-rakannya yang sedang berkursus tetapi ralit berWhatsApp dengan kata-kata “*Dok krsus ko dok whatApps?*”. Melalui ujaran ini pengkaji dapat mengesahkan perbualan berlangsung di tempat kursus. Tambahan pula waktu yang tercatat semasa perbualan diambil adalah pada pukul 9.30 – 11.03 pagi yang merupakan tempoh waktu bekerja.

Berdasarkan segmen perbualan grup WhatsApp JIP ini, informan tidak menggunakan leksikal DK secara penuh dalam ayat tetapi menggabungkannya dengan bahasa standard. Contohnya ujaran Drs dalam U1, Tgma dalam U3, Nr dalam U4 dan ujaran Mz dalam U7. Namun begitu penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan tetap digunakan dalam segmen perbualan ini. Antara kata-kata eksklusif yang dikenal pasti adalah *bekeng* (garang), *noreh* (kerja), *ko* (kepada), *ambo* (saya), *hok* (kepunyaan), *gali mas* (cari duit) dan *gege* (bising). Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji mendapati latar tempat

mempengaruhi penggunaan leksikal dialek Kelantan dalam grup *Sahabat JIP* apabila informan kurang menggunakannya ketika berada di tempat kerja. Dapatan ini bertepatan dengan Raja Masitah (1996) yang mengatakan latar mempengaruhi penggunaan bahasa seperti ujaran, dan ragam bahasa.

Latar Masa

Bagi latar masa pengkaji dapat mengenal pasti masa berlangsungnya perbualan berdasarkan catatan waktu yang ada pada setiap ujaran. Dengan ini latar masa dapat dianggarkan dengan tepat. Sebagai contohnya catatan masa 20.35 pm menandakan waktu berlangsungnya perbualan tersebut adalah pada pukul 8.35 malam.

Pengkaji meneliti perbualan grup WhatsApp *Sek Kito* yang berlangsung di luar waktu bekerja dan kuliah. Segmen perbualan grup WhatsApp *Sek Kito* berikut diambil pada pukul 9.44 – 10.01 malam yang merupakan masa untuk bersantai dan berehat. Perbualan yang diteliti adalah seperti Data 3 berikut:

Data 3

U1 21:44:45 pm:	Qmi:	<i>yeayy!!! sek kito blako..</i> (yeay!! Grup kita semua..)
U2 21:47:09 pm:	Mrul:	<i>Pakat bunyi blako...gere wehh nk bunyi jugok...</i> (pakat bunyi semua...geram rasa nak bunyi juga)
U3 21:48:52 pm:	Mrul:	<i>Hahaha... alang mu jauh skali rumoh ngn aku....nepik pom dngar.. .hahaha</i> (Haha.. Alang awak jauh sekali dengan rumah saya..bertempik pun dengar..haha)
U4 21:50:27 pm:	Alang:	<i>Hehe.. ak juruh.. xmain nepik2 nihh</i> (Hehe...aku (berperangai) baik.. tidak suka bertempik ni)
U5 21:50:48 pm:	Alang:	<i>Wani.. jgn laa pnggil fikah..tukar ore lamokea..</i> (Wani...jangan la panggil Fikah..tertukar orang nantikan..)

- U6 21:51:24 pm: *Yzid:* *Haha mntak maaf blako deh,ambo make dlu. Tgah male kakre ambo japuk mula.*
(Haha..minta maaf semua ya, saya makan dahulu. Tengah malam nanti saya menyampuk semula)
- U7 21:57:59 pm: *Mrul:* *Hahahaha...bual2 lah dulu blako dehh..loghat xde baco wasap lagi...*
(Hahaha...berbuallah dahulu semua ya...tergesa-gesa tidak sempat baca *WhatsApp* lagi..).
- U8 22:01:08 pm: *Faiz:* *mitok sobat2 mye hjt pkat doa kito etek...nk pekso minggu dpn ni... baco lite puke lgi nih*
(minta sahabat semua solat hajat berdoa untuk saya juga.. hendak periksa minggu depan ni..baca lintang pukang lagi)

Segmen perbualan ini melibatkan lima orang informan iaitu *Qmi*, *Yzid* dan *Alang* yang sudah bekerja manakala *Mrul* dan *Faiz* masih menuntut. Berdasarkan perbualan ini didapati informan lebih selesa menggunakan DK secara penuh dalam ayat seperti ujaran *Alang* dalam U4 dan *Mrul* dalam U7. Penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan juga kerap digunakan dalam segmen berlatarkan luar masa kerja ini.

Antara kata-kata eksklusif DK yang digunakan dalam segmen ini ialah *blako* (semua), *sek* (kumpulan/grup), *nepik* (berteriak), *juruh* (berperangai baik), *lamokae* (nantikan), *kakre* (selepas ini, nanti), *japuk* (menyampuk), *loghat* (cepat, tergesa-gesa), *xde* (tidak sempat) dan *etek* (juga). Berdasarkan perbualan ini informan menggunakan DK dan kata-kata eksklusif yang lebih kerap. Dapatan ini menunjukkan latar masa dan tempat tidak banyak mempengaruhi penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan dalam perbualan *WhatsApp* bagi informan grup *Sek Kito*. Ini kerana dalam latar di tempat kerja dan juga di luar tempat kerja, informan grup *WhatsApp Sek Kito* tetap menggunakan leksikal dialek dalam berkomunikasi. Penggunaan kata-kata eksklusif dialek Kelantan oleh golongan

muda yang diwakili informan grup ini sekurang-kurangnya dapat menangkis kebimbangan Awang Sariyan (dlm. *Glosari Dialek Kelantan* 2016) terhadap pelupusan kata-kata dialek oleh golongan muda masa kini.

TUJUAN KOMUNIKASI

Tujuan komunikasi mempengaruhi pemilihan bahasa ataupun ragam bahasa yang digunakan seperti untuk tujuan keagamaan, pendidikan, dan pemerintahan serta untuk tujuan pekerjaan yang berlainan (Saville-Troike 1991: 81).

Dalam data grup *WhatsApp* ini, tujuan komunikasi berbeza mempamerkan penggunaan bentuk dialek yang berbeza. Apabila tujuan komunikasi yang tidak melibatkan hal berkaitan kerja, penggunaan leksikal dialek Kelantan lebih ketara kerana komunikasi berlangsung lebih bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim, bertanya khabar dan usik mengusik. Namun jika tujuan komunikasi lebih kepada sesuatu yang formal seperti hal pendidikan penggunaan DK akan digabungkan dengan bahasa standard dan juga bahasa Inggeris. Keadaan ini dapat dilihat dalam Data 4 berikut:

Data 4

- zbul:* *Ni program charity utk enhance english among secondary std*
- zbul:* *Bg nma ic no hp emel skrg* (bagi nama, I/C, nombor telefon, e-mel sekarang)
- zbul:* *Mekye? Mg free x?* (Mek Yam? Awak free tak?)
- Yzid:* *Mekye bz sokmo tu* (Mek Yam *busy* selalu)
- zbul:* *Plis mekye* (*Please* Mek Yam)
- Yzid:* *Tido doh tu* (sudah tidur tu)
- zbul:* *Beraatt laaa budok tuh* (teruklah budak tu)
- zbul:* *Waniiii*
- zbul:* *Nak xxx* (*nak* tak?)
- Wani:* *xdop gu la..ishh salah plop. Hee* (tidak ada kawan la..ish salah pulak)
- zbul:* *Aq???* (saya?)
- Wani:* *jbul? malu eh* (Jbul? Malu la)
- zbul:* *Koya* (perasan)

Perbualan antara informan berkisar tentang *zbul* yang ingin mengajak rakannya untuk turut menyertai satu program amal bersamanya. *zbul* menggunakan kata dan frasa bahasa Inggeris dalam ujarannya seperti “*Ni program charity utk enhance english among secondary std*”, “*Mg free x?*” dan “*Plis mekye.*”. Namun begitu penggunaan DK masih digunakan secara penuh seperti ujaran *Yzid* “*Tido doh tu*” (sudah tidur tu) dan *zbul* “*Beraatt laaa budok tuh*” (Teruk la budak tu). Informan juga menggunakan kata-kata eksklusif DK seperti *sokmo* (selalu), *berat* (teruk), *gu* (kawan/rakan), *mung/mg* (awak), *koya* (perasan).

Berdasarkan segmen perbualan ini apabila tujuan komunikasi menjurus kepada sesuatu yang

berunsurkan formal, DK tidak digunakan sepenuhnya tetapi digabungkan dengan bahasa Inggeris dan bahasa standard. Keadaan ini bertepatan dengan Siti Rahmah et.al (2014) yang mendapati penggunaan bahasa Inggeris dalam bentuk frasa dan ayat biasanya dilakukan oleh golongan yang berpelajaran tinggi dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Pernyataan ini bersesuaian dengan *zbul* yang merupakan presiden bagi salah satu kelab di tempat pengajiannya, UiTM.

Perbualan grup *WhatsApp JIP* juga didapati kurang menggunakan leksikal dialek Kelantan dalam perbualan apabila tujuan komunikasi melibatkan hal berkaitan dengan kerja, contohnya seperti dalam Data 5 berikut:

Data 5

- DrS: *Hjs tu jupo ko tempat kursus i think?*
(Hjs tu berjumpa ke tempat kursus i think?)
- DrS: *Jangan lupu snap foto dan videokn utk dokumntasi.*
Guano ni gini mo sekat gst ni ramai lupu ingatan
(Jangan lupa ambil foto dan videokan untuk dokumentasi.
Kenapa begitu sekali sejak GST ni ramai lupa ingatan.)
- MZ: *Hebat hjs ..koperasi ipgksm?*
(Hebat Hjs... koperasi IPGKSM?)
- Hjs: *Tok leh nok banding dgn koperasi ipgksm.. Brg2 hok jual muroh belako sbb bos dio tauke doh...tok kutip gst*
(tidak dapat nak banding dengan koperasi IPGKSM.. Barang-barang yang dijual murah semua sebab bosnya ialah tauke.. tidak kutip GST)
- DrS: *Rano rama dok tngok dan tunduk nih?*
(kenapa ramai tidak tengok dan tunduk ni?)
- Nad: *Keno murih ...pakat tengok ko ketuo la tu blako..*
(kena marah.. pakat tengok ke ketua semua)

Dalam segmen ini perbualan lebih berfokuskan tentang situasi di tempat kerja dan tempat kursus. Informan menggunakan DK yang digabungkan dengan bahasa standard, contohnya ujaran *Drs* “*Guano ni gini mo sekat gst ni ramai lupu ingatan*”. Dalam ujaran ini, *Drs* menggunakan kata-kata eksklusif DK seperti *guano* (kenapa/ macam mana) dan *gini mo* (macam tu sekali). Selain itu kata-kata eksklusif DK juga diujarkan oleh *Hjs* dan *Nad* iaitu *rano* (macam mana), *gini mo* (macam tu sekali), *belako,blako* (semua) dan *murih* (marah).

Berdasarkan dapatan daripada grup *Sek Kito* dan grup *JIP*, tujuan komunikasi mempengaruhi penggunaan DK iaitu apabila tujuan berfokuskan sesuatu yang lebih formal seperti tujuan keagamaan, pendidikan dan kerja, penggunaan leksikal dialek Kelantan akan kurang digunakan.

Namun begitu berpandukan pemerhatian pengkaji informan menggunakan DK secara penuh apabila tujuan komunikasi sekadar untuk bersantai dan berhubung antara satu sama lain. Keadaan ini dapat dilihat dalam segmen perbualan grup *WhatsApp Sek Kito* seperti dalam Data 6 berikut:

Data 6

- zuri:* *Bres2,,jupo denu* (Baiklah, jumpa di sana)
- Fzren:* *Mg main ko yie?* (Awak bermain ke Yie?)
- Zuri:* *Ha2..xcepat nk hungga* (Haha.. tidak larat hendak lari)

- Zuri: *Lerak tepi line* (Tertiarap di tepi garisan)
 Fzren: *Dey lagi esok g jogging haha* (Sempat lagi esok pergi jogging)
 faiz: *Bucit ko loni? Hahaha* (Buncit ke sekarang ni?)
 uri: *Ha3.blh kiro la* (Boleh tahan la)
 Qmi: *ejahh laa sek2 kito tu. pakat2 maghi blako..*
 (Aturkan grup kita tu..pakat mari semua)
 Dyah: *Xajok ak ko* (Tidak jemput saya ke?)
 Qmi: *yakk.. maghi la dayah wehh.. madoh blako dh nii.. hehehe*
 (Datangla Dayah ya.. sudah jemput semua ni)

Seperti yang diperkatakan oleh Saville-Troike (1991) tujuan komunikasi berbeza mewujudkan pemilihan bahasa yang berbeza. Untuk itu, berdasarkan segmen perbualan ini apabila tujuan komunikasi sekadar bertanya khabar dan mengeratkan silaturrahim, penggunaan DK digunakan sepenuhnya. Informan lebih selesa dan rapat apabila menggunakan DK kerana perasaan kekitaan yang wujud hasil penggunaan DK antara informan. Kemesraan yang wujud antara informan dapat dilihat seperti dalam ujaran Qmi “*yakk.. maghi la dayah wehh.. madoh blako dh nii.. hehehe.*” Penggunaan DK secara penuh juga dapat

dilihat seperti ujaran Zuri dan Qmi “*Ha2..xcepat nk hungga*” dan “*ejahh laa sek2 kito tu.. pakat2 maghi blako..*” Manakala penggunaan kata-kata eksklusif DK yang digunakan dalam segmen ini ialah *denu* (di sana), *cepat/cekak* (larat), *hungga* (berlari), *lerak* (tertiarap), *dey* (sempat), *sek* (grup, kumpulan), *blako* (semua) dan *madoh* (jemputan kenduri).

Pengkaji juga menemui dapatan yang sama setelah meneliti grup *JIP* iaitu apabila tujuan berkomunikasi hanya untuk santai dan usik mengusik leksikal dialek Kelantan lebih kerap digunakan seperti dalam data 7 berikut:

Data 7

- Sry: *Mari kito pakat cari calon ko hijj..... ikut dio nok **hok lagu mano***
 Hjm: *Hij tu.....**tok dae** nok bbini doh.....bini dio suruh beli Mecedih..nok suruh dio tak dok **pitih** nok bbini mudo lah tu...*
 MZ: *Pndai hjm. **.muga teori hak tulo**...*
 Nad: *Panda sgguh hij cari supo doh nga **hok** no 1...supo dua bradek..*
 MZ: *Yakkkk. mah buko jle pulok...Tlg pkat **pitah** weh bia cpt blh. ..*
 Nad: *hjms,**bekwoh** gulai siput ko....sedak ter...*
 Hjms: *bukan siput tapi puyok madu kelulut*

Informan dalam segmen perbualan ini lebih kerap menggunakan DK secara penuh apabila tujuan komunikasi hanya berbentuk ringan dan bersahaja. Penggunaan kata-kata eksklusif DK juga lebih banyak digunakan dalam segmen ini iaitu *hok* (yang), *lagu mano* (macam mana), *tok dae* (tak sempat), *bbini* (menikah), *bini* (isteri), *pitih* (duit), *tulo* (sama) dan *bekwoh* (kenduri). Dapatan yang diperolehi daripada kedua-dua grup *WhatsApp* ini membenarkan pendapat Saville-Troike (1991) yang mengatakan tujuan komunikasi mempengaruhi pemilihan bahasa dalam berkomunikasi.

RAGAM

Hymes (1974) menyatakan ragam merujuk kepada nada (*tone*), cara gaya (*manner*) dan pemikiran (*spirit*) yang disampaikan. Kesesuaian ragam dan isu yang diperkatakan perlu selaras agar wujud kesepaduan antara penutur dan ragam yang digunakan supaya tumpuan diberikan kepada makna pertuturan, bukannya makna ragam.

Dalam komunikasi *WhatsApp* ini, kebanyakan gaya perbualan disampaikan secara berjenaka dan bersahaja. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka lebih gemar mengutarakan isu-isu yang ringan seperti hal peribadi, pekerjaan, isu semasa dan juga sekadar bertanya khabar.

Situasi perbualan yang tidak formal ini mencerminkan ragam perbualan yang santai, erat dan jelekut antara informan. Tambahan pula tiada nada yang tidak sopan seperti menjerit dan marah yang digambarkan dengan penggunaan tanda seruan dan huruf besar (Rosli, 2010). Ragam perbualan yang santai ini dapat mempengaruhi penggunaan

kata-kata eksklusif dialek Kelantan dengan lebih kerap kerana masing-masing berasa selesa menggunakannya.

Namun begitu walaupun ragam perbualan bernada marah tetapi informan sebenarnya hanya bergurau dan tidak memaksudkan untuk berkelahi. Situasi ini dapat dilihat dalam Data 8 berikut:

Data 8

- zbul:* *bangla ni, habis punoh bahasa melayu nyo behe dio*
(Bangla ni, habis rosak bahasa Melayu dihentamnya)
- zbul:* *Itu pergi mau baru bandar*
- zbul:* *aku nengung nk susun mula ayat dio*
(saya termenung hendak susun semula ayatnya)
- Yzid:* *Bgla mano pulok zbul* (Bangla mana pulak ni *zbul*?)
- Yzid:* *Mu hok kecek po negro* (awak yang bercakap macam negro)
- zbul:* *diye mg* (awak diam)
- zbul:* *mu tujohgro* (awak tujohgro)
- Yzid:* *removed you*
- zbul:* *Remuv aku gak, aku blok seumur hidup*
(kalau *remove*, nanti saya *block* seumur hidup)
- Yzid:* *Haha bkpo jabul jd gni ni?* (kenapa *zbul* jadi macam ini?)
- Yzid:* *Bekeng molek* (garang sangat)

Berdasarkan perbualan ini dilihat informan *zbul* memarahi rakannya *Yzid* dengan ujaran “*bangla ni, habis punoh bahasa melayu nyo behe dio*” dan dibalas semula oleh *Yzid* “*Mu hok kecek po negro*”. Namun begitu walaupun sesi balas membalas kutukan ini mencerminkan ragam marah dan geram tetapi situasi yang sebenarnya tidak memaksudkannya. Ini jelas dengan ujaran *Yzid* “*Haha bkpo jabul jd gni ni?*” yang tergelak dengan kata-kata rakannya *zbul* menunjukkan mereka sebenarnya hanya bergurau.

Kata-kata eksklusif DK yang terdapat dapat segmen ini antaranya *behe* (hentam/guna dengan tidak berhemah), *nengung* (termenung), *kecek* (bercakap), *bakpo* (kenapa) dan *bekeng* (garang). Dalam ragam ini, penggunaan DK tetap digunakan secara penuh menandakan perbualan bernada marah dan geram menjadikan informan lebih senang meluapkannya melalui DK.

Namun begitu dapatan Siti Rahimah et al. (2014) yang meneliti responden dalam Facebook mendapati perkataan dalam bahasa Inggeris dilihat berperanan sebagai penegasan kepada keadaan emosi. Ini kerana pada kebiasaannya, penggantian emosi seperti sedih, marah dan gembira mendorong kepada percampuran bahasa yang diungkapkan tanpa disedari. Berdasarkan data

yang diambil menunjukkan informan dalam segmen perbualan *WhatsApp* ini tidak menggunakan bahasa Inggeris bagi mempamerkan emosi tetapi selesa menggunakan DK dalam apa jua keadaan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan daripada kumpulan *WhatsApp* yang dikaji, didapati penggunaan leksikal dialek Kelantan yang tidak terdapat dalam bahasa standard lebih banyak digunakan berbanding leksikal yang terdiri daripada satu suku kata dan leksikal yang mempunyai kata-kata yang sama tetapi maksud yang berbeza dengan bahasa standard.

Bagi komponen latar, pengkaji mendapati komponen latar tempat dan masa tidak banyak mempengaruhi penggunaan leksikal dialek Kelantan apabila informan dalam data grup *WhatsApp Sek Kito* tetap menggunakannya walaupun pada waktu bekerja/belajar. Keadaan ini disebabkan majoriti informan dalam data grup *WhatsApp* ini masih belajar dan hanya lapan orang yang telah bekerja membolehkan mereka berkomunikasi tanpa adanya batasan berkaitan kerja. Namun bagi grup *WhatsApp Sahabat JIP* komponen latar dan masa mempengaruhi penggunaan DK apabila

informan akan mengurangkan penggunaan DK apabila berlatarkan waktu bekerja tetapi akan menggunakannya secara kerap selepas waktu bekerja. Dapatan bagi komponen tujuan komunikasi pula mendapati informan bagi kedua-dua grup menggunakan leksikal dialek Kelantan apabila komunikasi bertujuan untuk bertanya khabar, usik-mengusik dan mengeratkan silaturahim. Tetapi apabila tujuan komunikasi melibatkan hal berkaitan keagamaan, pendidikan dan pekerjaan, informan kurang menggunakan leksikal dialek Kelantan. Dapatan ini selaras dengan Saville-Troike (1991) yang mengatakan bahawa tujuan komunikasi mempengaruhi pemilihan bahasa yang digunakan sama ada untuk tujuan keagamaan, pendidikan, dan pemerintahan serta untuk tujuan pekerjaan yang berlainan. Walaupun informan grup *Sek Kito* terdiri daripada peringkat umur yang masih muda iaitu 23 tahun, dan grup *Sahabat JIP* yang terdiri daripada golongan profesional namun mereka lebih selesa menggunakan dialek Kelantan dalam perbualan melalui *WhatsApp* yang menjadikan mereka lebih jelek sebagai satu kumpulan. Ini adalah bertepatan dengan Lyons (1970: 326) yang menyatakan semua orang yang menggunakan suatu bahasa atau dialek yang sama merupakan anggota suatu komuniti bahasa.

Sementelah penggunaan dialek Kelantan dalam berkomunikasi menandakan identiti kedaerahan yang menonjolkan keunikan mereka sebagai 'oghe Kelate'. Mereka akan membawa bersama dialek Kelantan walaupun berada di luar negeri Kelantan (Zuraidah 2003). Keadaan ini menyumbang kepada ketersebaran dialek Kelantan ke luar sempadan geografi dengan dibantu perantaraan media sosial seperti aplikasi *WhatsApp* ini.

Daripada pemerhatian pengkaji komunikasi melalui aplikasi *WhatsApp* ini tidak meletakkan status sosial, pekerjaan dan tahap pendidikan sebagai batas dalam penggunaan leksikal dialek Kelantan. Kenyataan ini dibuktikan melalui dapatan dalam grup *JIP* yang kesemua informan terdiri daripada golongan profesional namun kerap menggunakan leksikal dialek Kelantan dalam komunikasi. Begitu juga dengan data daripada grup *Sek Kito* yang berpendidikan tinggi turut menggunakan DK dalam komunikasi mereka. Dapatan ini berbeza dengan Roger W. Shuy (1962) yang beranggapan mereka yang berpendidikan tinggi memperlihatkan perbezaan penggunaan bahasa jika dibandingkan dengan mereka yang lebih rendah tahap pendidikannya.

Pemerhatian kajian ini menunjukkan masyarakat Kelantan mengenyepikan status sosial dalam berkomunikasi dengan menggunakan dialek. Dapatan yang diperolehi ini mengukuhkan lagi tanggapan bahawa masyarakat Kelantan mempunyai keunikan dari segi budaya dan bahasanya berbanding negeri-negeri.

KESIMPULAN

Kajian mengenai penggunaan dialek Kelantan dalam komunikasi bertulis masih belum banyak dikaji walaupun diketahui penggunaannya dalam bentuk lisan amat ketara. Fenomena penggunaan dialek di laman sosial seperti *WhatsApp* merupakan petanda yang baik terhadap kelestarian sesuatu dialek. Hal ini kerana penggunaan *WhatsApp* dalam berkomunikasi memungkinan masyarakat Kelantan yang berada melangkaui sempadan geografi, status sosial dan had umur mengekalkan penggunaan dialek Kelantan melalui grup *WhatsApp* yang diaplikasikan menerusi telefon pintar.

Masyarakat Kelantan amat bangga dengan dialek mereka dan mereka menunjukkan kebanggaan tersebut bukan sahaja dengan menggunakannya dalam komunikasi lisan (Zuraidah 2003; Nik Safiah 1985) tetapi juga dalam komunikasi tulisan. Dengan mengamalkan bentuk komunikasi yang sama iaitu dialek Kelantan keperibadian dan jati diri masyarakat dapat digambarkan dengan jelas (Siti Rahimah et al. 2017). Malah informan golongan muda juga masih berupaya menggunakan dan memahami leksikal yang bersifat eksklusif dan 'lama' itu. Dalam konteks ini menunjukkan pelestarian dialek Kelantan dalam semua golongan masyarakat masih tekal walaupun dalam bentuk komunikasi bertulis.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2011. Suku kata dasar dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11(2): 121-136.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2012. Analisis koda berdasarkan kekangan dalam dialek Kelantan. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(4): 1127-1145.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ajid Che Kob. 2007. Dialektologi. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md Salleh & Rahim Aman, *Linguistik Melayu Edisi Kedua*, hlm. 129-143. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2015. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun. 2015. Penggunaan kata ganti nama dialek Kelantan dalam aplikasi WhatsApp. *Jurnal Melayu* 14(2):291-306.
- Chambers & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. (Terj.) Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. & Hussin Dollah. 1988. Catatan Fonologi Kelantan: Konsonan (g). *Jurnal Dewan Bahasa* 32:12.
- Collins, James T. 1989. *Antologi Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1999. *Wibawa Bahasa: Kependidikan dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- David Jr. 2015. Malaysia Social Media Statistics 2014 (News on 31 March 2015). Capaian pada 01 Ogos 2015 dari <http://blog.malaysia-asia.my/2015/03/malaysia-social-media-statistics-2014.html>
- Fuzirah Hashim, Ahmad Aminuddin Soopar & Bahiyah Abdul Hamid. 2017. Linguistic features of Malaysian students' online communicative language in an academic setting: the case of Universiti Kebangsaan Malaysia. *Akademika* 87(1):231-242.
- Glosari Dialek Kelantan*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa 1974. Morfemik Dialek Melayu Kelantan. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Hazita Azman, Sepideh Mirzaeifard & Zaini Amir. 2017. Hypermedia literacy: an insight into English as a foreign language online reading processes. *Akademika* 87(1):207-220.
- Howard Giles & Peter F. Powesland. 1975. *Speech Style and Social Evaluation*. London and New York: Academic Press.
- Hymes, Dell. 1974. *Foundation in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University Pennsylvania Press.
- Idris Aman. 2014. Dialek Sosial. Dlm. Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (ed.). *Variasi Bahasa*, hlm. 39-55. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kemp, Simon. 2015. Active social network users in The State of Social in Asia (News on 21 January). Capaian pada 01 Ogos 2015, dari <http://wearesocial.net/tag/statistics/>.
- Maslida Yusof & Karim Harun. 2015. Analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 151-168.
- Mohammad Fadzeli Jaafar & Idris Aman. 2011. Ketegaran dialek dan aksen standard kebangsaan. Dlm. *Aksen Bahasa Kebangsaan: Realiti Identiti Integrasi*. Disunting oleh Idris Aman. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim & Rozita Che Rodi. 2016. *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali Ilmu Menyusur Warisan*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Nik Safiah Karim. 1966. Loghat Kelantan: Huraian Fonologi dan Catatan Pendek Mengenai Sifat-sifat Umumnya. *Dewan Bahasa* 10:6.
- Nik Safiah Karim. 1985. Dialek Kelantan: Satu Lambang Sosiobudaya Wilayahnya. Dlm. Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusuf (peny.). *Kelantan dalam Perspektif Sosiobudaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.121-130.
- Nik Safiah Karim. 1996. Antara Dialek Dengan bahasa Baku. *Pelita Bahasa*: 28-29.
- Noriah, Mohamed. 2006. *Penggunaan Bahasa dalam Ruang Siber: Mode Lisan dalam Bentuk Bertulis*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nur Adibah Hasan, Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. Struktur suku kata terbitan dialek Terengganu. *Akademika* 87(1): 165-175.
- Othman Lebar. 2012. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1996. Teater pulang: Kajian berdasarkan analisis aktiviti komunikatif dan etnografi pertuturan. *Jurnal Dewan Bahasa* 26(5): 594-613.
- Rosli Ab Rahman. 2010. Peristiwa Bahasa dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi dari Sudut Etnografi Komunikasi. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Ryan, M. ed. 1999. *Cyberspace Textuality, Computer Technology and Literary Theory*. Bloomington and Indianapolis: Indiana University Press.
- Siti Rahimah. 2014. Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa* 14(1).
- Top 10 List For Top Apps. (September 2015). Capaian pada 2 Oktober 2015 dari <http://www.nielsen.com/my/en/top10s.html>
- Winzeler, Robert L. 1985. *Minorities in a Malay State; Ethnic Relations in Kelantan: A Study of the Chinese and Thai Ethnic*. Singapore: Oxford University Pres.
- Zuraidah Mohd Don. 2003. Language-dialect code-switching: Kelantanese in a multilingual context. *Multilingua* 22(1): 21-40.
- Zuraidah Mohd Don. 2005. Persepsi Pelajar Kelantan: Suatu Kajian Vitaliti Etnolinguistik. Dlm: Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu II (23-37).

Azrizan Abu Bakar
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: azrizanksm@gmail.com

Karim Harun (corresponding author)
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: linguist@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Febuari 2019